

BNM dijangka kekalkan OPR paras 2.75 peratus

Mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 2.75 peratus akan memberikan kestabilan lebih baik dari segi kos pinjaman, membolehkan rakyat Malaysia merancang perbelanjaan modal dan pembelian aset dengan yakin, kata seorang

ahli ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan OPR pada kadar 2.75 peratus hari ini.

Beliau berkata, keputusan itu berkemungkinan berdasarkan andaian bahawa ekonomi Malaysia

terus berkembang pada kadar yang memberangsangkan pada suku ketiga tahun 2025, dengan pertumbuhan 5.2 peratus - jauh melebihi pertumbuhan

4.4 peratus yang dicatatkan pada separuh pertama tahun ini.

“Selain itu, pasaran buruh kekal pada tahap guna tenaga penuh, dengan kadar pengangguran stabil pada 3.0 peratus sejak beberapa bulan lalu. Ini menunjukkan lebih ramai rakyat Malaysia bekerja dan memperoleh pendapatan tetap,” katanya kepada *Bernama*.

Mohd Afzanizam berkata, faktor ini akan menyokong perbelanjaan pengguna, dipacu oleh program bantuan tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), yang melengkapi kekuatan ekonomi Malaysia.

“Yang lebih penting, BNM akan mengekalkan ruang dasar untuk bertindak sekiranya berlaku kejutan ekonomi dalam

masa terdekat,” tambahnya.

MPC BNM dijadualkan mengumumkan keputusan OPR hari ini.

Perubahan terkini kepada OPR ialah penurunan kepada 2.75 peratus yang diumumkan pada 9 Julai 2025.

Sebelum itu, kadar berkenaan dikekalkan pada 3 peratus sejak 3 Mei 2023.

CIMB Treasury & Markets Research sebelum ini turut menjangkakan BNM akan mengekalkan OPR pada 2.75 peratus pada mesyuarat terakhir MPC hari ini, disokong oleh petunjuk makroekonomi yang kukuh.

Dalam satu nota penyelidikan, ia berkata walaupun penurunan kadar pada awal 2026 mungkin berlaku, ia bergantung kepada dua petunjuk utama, iaitu kelemahan berterusan dalam eksport bukan elektrik dan

elektronik (E&E) dan penyederhanaan dalam pertumbuhan kredit perniagaan serta modal kerja, yang jika ia dikekalkan, boleh mewajarkan pengurangan 25 mata asas pada suku pertama 2026.

“Memandangkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga 2025 yang kukuh, kami mengekalkan unjuran pertumbuhan 2025 pada 4.3 peratus, dengan unjuran 2026 pada 4.1 peratus, didorong oleh penggunaan swasta yang berdaya tahan, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang kukuh, pelarasan gaji perkhidmatan awam dan program tunai yang disasarkan.

“Pelancongan akan menjadi pendorong tambahan di bawah Tahun Melawat Malaysia 2026, yang menyasarkan ketibaan 47 juta pelancong,” katanya.

BERNAMA

